



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG KEWANGAN  
DAN PERBANKAN**

**KOD KURSUS : DP1 2143**

**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berikut adalah ciri-ciri tawaran yang sah, KECUALI
  - A Tawaran kepada orang perseorangan
  - B Tawaran mestilah dikomunikasikan
  - C Tawaran kepada orang awam
  - D Tawaran mestilah dibuat oleh pemilik.
  
2. Jay telah pergi membeli belah di Emporium Jaya dan mengambil beberapa helai baju dan sepasang kasut lalu membawanya ke kaunter untuk membuat pembayaran. Walaubagaimanapun setelah memeriksa dompetnya, Jay mendapati dompetnya tiada di dalam tas tangannya. Penjual memaksa Jay membayarnya kerana menurutnya kontrak telah berlaku di antara Jay dan Emporium Jaya. Pada pendapat anda bilakah kontrak berlaku?
  - A Semasa Jay mengambil barang tersebut
  - B Semasa Jay membawa barang ke kaunter
  - C Semasa penjual mengambil barang dari Jay untuk di scan.
  - D Semasa penjual meletakkan barang di rak.
  
3. Dini bersetuju untuk menjual rumahnya di Taman Seri Austin kepada Encik Dali pada harga RM250,000 atau RM220,000. Tiada tawaran yang sah di dalam situasi ini kerana;
  - A Tawaran tidak pasti
  - B Tawaran tidak diiklankan di dalam surat khabar
  - C Pembuat tawaran bukan pemilik sebenar rumah tersebut
  - D Tawaran hanya dibuat kepada individu tertentu

4. En Mahat telah dihantar oleh majikannya ke Dubai untuk menjalankan projek terbaru syarikat bagi tempoh 5 tahun, walaubagaimanapun isteri dan anak-anaknya tidak dapat menyertainya kerana masalah kesihatan isterinya. Mereka semua akan terus tinggal di Malaysia sementara En Mahat berhijrah ke Dubai. En Mahat berjanji akan mengirinkan elaun sara hidup kepada keluarganya sebanyak RM10,000 setiap bulan. Setelah enam bulan berhijrah, tiada khabar berita daripada En Mahat dan beliau juga tidak pernah mengirim wang sara hidup kepada isteri dan anak-anaknya. Di dalam kes ini tiada tanggungjawab undang-undang di pihak En Mahat untuk melaksanakan janji tersebut kerana;
- A Tiada perjanjian bertulis
  - B Tiada niat untuk menjadikannya sebagai kontrak yang sah di sisi undang-undang
  - C Tiada balasan yang perlu diberikan oleh penerima tawaran
  - D Tiada kerelaan bebas
5. Manakah di antara berikut kenyataan yang TIDAK BENAR;
- A Kontrak yang dimasukki oleh seorang yang sedang mabuk arak dianggap batal
  - B Kanak-kanak dianggap sebagai seorang yang tidak mempunyai kelayakan untuk berkontrak termasuklah kontrak biasiswa
  - C Seorang yang sedang sakit tenat juga dianggap tidak mempunyai kelayakan berkontrak
  - D Kontrak yang dimasukki oleh orang yang sedang koma dianggap batal
6. Along bersetuju untuk menyewakan rumah kedainya kepada adiknya Angah untuk menjalankan perniagaan restoren. Di dalam perjanjian di antara Along dan Angah, Along membenarkan Angah menyewa kedainya selama mana yang Angah suka dengan nilai sewaan RM1500 sebulan. Tiada kontrak yang sah di dalam situasi ini kerana;
- A Tawaran tidak pasti
  - B Tawaran tidak diiklankan di dalam surat khabar
  - C Pembuat tawaran bukan pemilik sebenar kedai tersebut.
  - D Tawaran hanya dibuat kepada individu tertentu

7. Jimah bersetuju menandatangani kontrak untuk membeli rumah James setelah diancam secara fizikal oleh James keatas diri dan keluarganya. Kontrak ini dianggap boleh batal atas alasan
- A Kesilapan
  - B Tipuan
  - C Paksaan
  - D Pengaruh Tidak Wajar
8. Kenyataan yang manakah antara berikut adalah BENAR?
- A Di dalam kes Merritt V Merrit, perjanjian antara suami dengan isteri adalah perjanjian yang tidak mengikat.
  - B Seorang minor terikat untuk membayar balik penaja sekiranya beliau melanggar perjanjian biasiswa
  - C Kursus peragawan adalah bukan satu keperluan kepada seorang minor yang ingin menjadi peragawan dan oleh itu seorang minor tidak perlu membayar yuran bagi kursus tersebut
  - D Seorang minor telah memasuki perjanjian sewa beli sebuah komputer berharga RM1,999 dan beliau tidak memenuhi tanggungjawab membayar ansuran komputer tersebut kerana menganggapnya sebagai kontrak yang tidak sah.
9. Baba telah menandatangani perjanjian untuk menjual tanah miliknya kepada Ah Seng setelah diugut oleh Ah Seng dan anak buahnya untuk membakar seluruh kebun getahnya sekiranya Baba berdegil untuk tidak menjualnya. Kontrak ini adalah boleh batal dengan alasan
- A Paksaan
  - B Tipuan
  - C Khilaf
  - D Pengaruh Tidak Wajar

10. Apakah kesan kepada pelepasan kontrak dengan sebab perlaksanaan.
- A Berkuatkuasa
  - B Sah
  - C Batal
  - D Boleh Batal
11. Berikut adalah hak dan tanggungan penyewa, **KECUALI**;
- A Tanggungjawab untuk menyediakan dokumen perjanjian
  - B Hak untuk mengagihkan pembayaran
  - C Hak untuk mendapat maklumat dan dokumen
  - D Hak untuk memohon perintah mengubah tempat simpan barang
12. Untuk melengkapkan perjanjian sewa beli, pemilik hendaklah melakukan perkara berikut, **KECUALI**;
- A Menyediakan perjanjian bertulis
  - B Membayar deposit kepada penyewa
  - C Meminta penyewa menandatangani perjanjian tersebut
  - D Memberi satu salinan perjanjian kepada penyewa dan penjaminnya.
13. Berikut adalah faktor –faktor yang menjejaskan kerelaan kontrak, **KECUALI**;
- A Gharar
  - B Ikrah
  - C Khilaf
  - D Khilabah
14. Berikut adalah kontrak jual beli yang dilarang di dalam Islam, **KECUALI**;
- A Jual beli secara paksa
  - B Jual beli najis proses untuk dijadikan baja tanaman
  - C Jual beli barang yang belum siap
  - D Jual beli kepada orang yang hilang akal

15. Mengikut Undang-undang Perbankan, di antara tanggungjawab pihak bank kepada pelanggan adalah
- A. Memeriksa buku bank sebelum berurusan di kaunter.
  - B. Merahsiakan akaun pelanggan
  - C. Menerima arahan membayar tanpa memeriksa identiti pelanggan
  - D. Menyediakan penyata akaun setiap bulan kepada pelanggan
16. Berikut adalah kenyataan yang **TIDAK BENAR** berkaitan dengan tanggungjawab bank pemungut;
- A. Melakukan penyiasatan sebelum memungut sebarang cek sekiranya terdapat persekitaran yang luar biasa.
  - B. Mengenalpasti identiti pelanggan dengan meminta kad pengenalan.
  - C. Memungut jumlah wang yang dinyatakan di dalam cek dari bank pembayar.
  - D. Memungut cek bagi pihak pelanggan yang mempunyai kecacatan dalam hakmilik terhadap cek.
17. Berikut adalah ciri-ciri bil pertukaran, **KECUALI**;
- A. Satu arahan bersyarat secara bertulis
  - B. Ianya mestilah dibayar di dalam tempoh tertentu ataupun pada suatu masa hadapan
  - C. Ianya mestilah dialamatkan kepada seseorang yang tertentu
  - D. Pembayaran adalah di dalam bentuk wang
18. Berikut adalah ciri-ciri cek, **KECUALI**;
- A. Nilai cek.
  - B. Tandatangan penerima
  - C. Tarikh pengeluaran cek
  - D. Nombor cek

19. Berikut adalah keadaan yang membenarkan Juru Bank membuat Pendedahan ke atas maklumat rahsia pelanggan, **KECUALI**;
- A Perintah garnisi daripada institusi berlesen
  - B Pelanggan yang telah diisytiharkan bankrup
  - C Pelanggan atau wakil telah memberikan kebenarannya kepada bank
  - D Pegawai bank yang pernah mengakses maklumat pelanggan
20. Memiliki cek curi adalah termasuk kesalahan berkaitan dengan;
- A kesalahan jenayah
  - B kesalahan torts
  - C undang-undang kecuaiian
  - D undang-undang perbankan

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi LIMA(5) soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Terangkan LIMA (5) sebab penamatan hubungan bank dengan pelanggan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Surah Al-Baqarah ayat 275; Allah berfirman, mafhumnya: "Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba". Sesuatu kontrak di dalam Islam adalah hasil dari *aqad* yang sempurna.

Terangkan secara ringkas LIMA (5) unsur-unsur utama dalam pembentukan kontrak menurut Islam.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan LIMA (5) daripada hak penyewa di dalam kontrak sewa beli dengan merujuk kepada seksyen yang berkaitan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

(10 markah)

**SOALAN 4**

a) Bincangkan EMPAT (4) jenis pemalangan cek menurut seksyen 76 Akta Bil Pertukaran 1949.

(4markah)

b) Bincangkan TIGA (3) jenis atau kategori cek .

(6 markah)

**SOALAN 5**

a) Berikan definisi bank pembayar.

(6 markah)

b) Terangkan EMPAT(4) perlindungan statutori terhadap Kecuaian bank pembayar.

(4 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Fauzan telah berjanji dengan adiknya Fahim untuk membiayai pengajian Fahim di universiti sehingga tamat pengajiannya tanpa apa-apa balasan . Selepas 2 tahun pengajian, berlaku krisis di antara Fauzan dan Fahim dan akhirnya Fauzan memutuskan untuk menghentikan pembiayaan kewangan keatas Fahim. Oleh itu, Fahim berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Fauzan kerana melanggar perjanjian.

Nasihatkan Fahim.

(15 markah)

**SOALAN 2**

Undang-undang menekankan berkaitan dengan kerahsiaan bank . Pihak bank bertanggungjawab menjaga kerahsiaan pelanggannya. Bincangkan **TIGA (3)** pendedahan yang dibenarkan oleh undang-undang.

(15 markah)

**SOALAN 3**

En Osman adalah pengusaha ladang kambing terkenal di Johor Bahru. Beliau telah berurusan dengan beberapa buah syarikat di Australia untuk mendapatkan bekalan kambing dan juga lembu daripada syarikat-syarikat tersebut. Selain daripada pembelian kambing yang sedia ada, beliau juga akan membeli anak-anak kambing yang masih berada di dalam kandungan.

Encik Osman merasa ragu berkaitan dengan pembelian tersebut dan meminta nasihat anda samada jual beli tersebut sah atau tidak. Nasihatkan beliau berdasarkan hukum jual beli di dalam Islam.

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



